

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Selepas menyelesaikan tugas ini, bolehlah kita berehat _____," kata Zakiah kepada rakan-rakannya.
A seada-adanya
B selama-lamanya
C semahu-mahunya
D sesungguhnya-sungguhnya
2. Orang yang _____ tidak akan mudah terpengaruh oleh kempen jualan murah.
A hemah
B hemat
C boros
D bolos

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Lori yang dipandu laju itu terbabas _____ melanggar pembahagi jalan.
- A lalu
B dan
C kerana
D semasa

4. Pencuri-pencuri itu lari _____ untuk melepaskan diri apabila dikejar oleh orang ramai.
- A berkejaran C berkeliaran
B berserakan D bertempiran

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandai dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandai dengan D.

Pilih jawaban yang paling sesuai.

5. Hujan yang lebat pada pagi nanti telah
A B
menyebabkan berlakunya banjir kilat di
C
bandar itu. Tiada kesalahan.
D
6. Walaupun sekarang dia tidak berbuat
A
jahat, tetapi dia tetap dipandang serong
B
oleh penduduk kampung kerana dia
adalah bekas banduan. Tiada kesalahan.
C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Api dari kilang yang terbakar itu menjulang sehingga jelas kelihatan dari sekolah saya.

- II Selepas menerima piala kemenangannya, pemenang itu terus menjulang pialanya.
 III Rakyat akan menjulang tinggi pertempilan yang berjaya rakyat.
 IV Gadis itu menjulang kepalanya di tingkap setelah mendengar bunyi hon kereta.
 A I dan II sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

- B. I Sepuluh ekor ayam Pak Musa telah mati kerana diserang penyakit.
 II Pahlawan Melayu sedaya upaya mempertahankan tanah air daripada diserang oleh musuh.
 III Encik Mazlan diserang penyakit jantung setelah mendapat berita yang mengejutkan itu.
 IV Rumah usang itu diserang oleh pihak polis setelah menerima aduan tentang aktiviti penagihan dadah.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 - 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. "Bawalah berbincang jika sekiranya timbul apa-apa masalah," nasihat ketua kampung itu.
 A sekiranya timbul apa masalah
 B jika sekiranya timbul apa masalah
 C sekiranya timbul apa-apa masalah
 D jika sekiranya timbul apa-apa masalah
10. Beberapa orang murid-murid telah membantu Cikgu Norzali mengemas stor sukan.
 A Beberapa murid
 B Beberapa orang murid

- C Beberapa murid-murid
 D Beberapa orang murid-murid

Soalan 11 - 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I "Tolong angkat beg ini ke bilik tetamu," kata ibu.
 II Walaupun tinggal berjauhan, mereka sering berbalas-balas e-mel.
 III Sayur-sayuran yang dijual di pasar tani ini segar-segar belaka.
 IV Oleh kerana hari hujan, Pak Mail tidak menoreh getah pagi ini.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
12. I Pembelian atas talian semakin popular kini kerana urusannya lebih mudah dan menjimatkan masa.
 II Aizat adalah murid yang paling tinggi dalam kelas itu.
 III Setelah lima tahun berkhidmat di syarikat itu, Encik Zahid akhirnya dinaikkan pangkat.
 IV Tukang masak itu menyediakan hidangan yang istimewa untuk para pelanggannya yang setia.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Melakukan perbuatan yang sia-sia

13. Peribahasa yang tidak menggambarkan maksud di atas ialah
 A bagai pohon kayu tidak berbuah.
 B bagai bersuluh di tengah hari.
 C bagai mencurah garam ke laut.
 D bagai mencurah air ke daun keladi.